

Headline	TNB belum bincang kadar tarif elektrik baharu		
MediaTitle	Kosmo		
Date	16 May 2018	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Negara	Page No	18
ArticleSize	235 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 18,297		



## TNB belum bincang kadar tarif elektrik baharu

**KUALA LUMPUR** – Tenaga Nasional Berhad (TNB) masih belum mengadakan sebarang perbincangan mengenai perubahan kadar tarif elektrik selepas Pakatan Harapan membentuk kerajaan baharu pada 9 Mei lalu.

Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie berkata, sebarang perbincangan mengenai perkara tersebut akan dibuat selepas Jun hadapan.

"Buat masa sekarang, kita tidak ada perbincangan (mengenai tarif terbaharu) lagi.

"Tarif terkini adalah ber-

dasarkan Pelepasan Kos Tidak Seimbang (ICPT) yang telah ditetapkan dari Januari lalu hingga Jun hadapan. Justeru, kami menunggu sehingga Jun sekiranya ada perubahan daripada kerajaan baharu ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas taramat Mesyuarat Agung Tahunan ke-28 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini semalam.

Turut hadir Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Ir. Azman Mohd.

dan Ketua Pegawai Kewangan, Datuk Fazlur Rahman Zainuddin.

Bermula dari 1 Januari lalu sehingga 30 Jun depan, kadar tarif yang ditetapkan ialah sebanyak 38.53 sen per kilowatt (kWj) manakala di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan adalah sebanyak 34.52 sen.

Sebelum ini, kerajaan Barisan Nasional mengumumkan kadar tarif elektrik di Semenanjung tidak akan dinaikkan hingga 31 Disember 2020 manakala kadar sedia ada kekal di Sabah dan Labuan selama enam bulan bermula Januari ini sehingga Jun tahun ini.



LEO MOGGIE (tengah) bersama Azman (kiri) dan Fazlur melihat buku laporan tahunan TNB pada sidang akhbar selepas Mesyuarat Agung Tahunan TNB ke 28 di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur semalam.